



PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to opt for the Courts Elite+ Policy. Be sure to also read the general terms and conditions.

Wherever the following words or phrases begin in uppercase, the definitions with interpretation are set out in the Policy Wordings under the section 'General Policy Definitions'.

Product: Courts Elite+

Date Issued: August 2024

1. What is this product about?

- (a) This product provides protection in the event of
 - (i) Identity Theft; and
 - (ii) an Injury due to Snatch Theft or Attempted Snatch Theft that directly results in Accidental Death or Permanent Total Disablement or admission to Hospital.
- (b) Coverage is provided worldwide and is valid for 24 hours throughout the Policy Period.
- (c) The period of coverage under this Policy is for 3 or 12 months as applicable.
- (d) Coverage under this policy is provided to individual customer of the Master Policyholder.

2. What are the covers/benefits provided?

This Policy provides the following benefits:

- a) Identity Theft – Legal Expenses, Lost Wages, Obligation to Pay, Miscellaneous Expenses, Monetary Compensation
- b) Accidental Death - due to Snatch Theft or attempted snatch theft
- c) Permanent Total Disablement - due to Snatch Theft or attempted snatch theft
- d) Inconvenience Allowance - due to Snatch Theft or attempted snatch theft
- e) Daily Hospital Income - due to Snatch Theft or attempted snatch theft

Note: Please refer to the Policy Wordings for further details of the Benefit.

3. How much premium do I have to pay?

There is no premium payable by you for the initial 3 months as coverage during this period is complimentary to you.

If you choose to continue your cover up to 12 months, you will have to pay a premium of RM36.00 (excluding of Service Tax) to the Master Policyholder for the balance 9 months of cover. Please keep the proof of premium payment for any future reference.

Policy Period	Premium
3 Months	Nil
12 Months	RM36.00 (excluding of Service Tax)

4. What are the fees and charges that I have to pay?

There are no fees or charges payable by you if you opt for Policy Period of 3 months.

Fees and charges for Policy Period for 12 months is as per below:

Type	Amount
Commission paid to the insurance intermediary/agent (Included in the premium)	RM9 or 25% of premium
Service Tax	8% of premium

5. Who is the intermediary/agent?

Name: Courts (Malaysia) Sdn Bhd (Company Registration No. 198601005660 (154820-D))

Address: 36, Jalan Genting Kelang, Setapak, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

(a) Duty of disclosure:

- (i) You must take reasonable care to ensure that all your answers to the questions are full, complete, correct, honest and to the best of your knowledge.
- (ii) You also have a duty to inform AIG Malaysia Insurance Berhad (hereinafter referred to as the “**Company**”) of any change in the information given to the Company earlier before we issue the Certificate of Insurance to you, before you renew or change any of the terms of your Policy. If you do not, your Policy may be cancelled, or treated as if it never existed, or your claim rejected or not fully paid.

(b) Eligibility:

The requirements below must also be continuously satisfied by you to be eligible for coverage under the Policy:

**Age**

Entry age for an adult under this Policy is 18 to 70 years of age (inclusive).

Note: All ages refer to the age as of your last birthday.

Residency

To be eligible for cover under this Policy, you must be a:

- (i) Malaysian citizen residing in Malaysia;
- (ii) Malaysian permanent resident; or
- (iii) A Holder of a valid employment pass (of which the place of employment must be in Malaysia during the Policy Period) or a dependent pass granted by the relevant Government authority.

(c) **Country of residence:**

You must notify the Company if you will be out of Malaysia for more than 180 consecutive days. Failure to do so will invalidate this cover.

(d) **Claims:**

- (i) The Company must be notified as soon as it is reasonably practical and in any event within 30 days after the Accident which leads to a claim;
- (ii) The Company must be provided with all reasonable and necessary evidence required by the Company to support a claim within 30 days after the date of Accident which leads to a claim.
- (iii) Failure to comply with (i) above may result in the Company's rejection of all or part of the claim. Reasons include, but are not limited to, if it is made so long after the event that the Company is unable to investigate it fully or may result in you not receiving the full amount claimed if the amount payable changes as a result of the delay.

(e) **Duplication of Cover:**

No person shall be insured under more than one Policy issued by the Company under this product. In the event the person is insured under more than one such Policy, the Company shall consider that person to be insured under the Policy with the highest Compensation or, where the Compensation under each Policy is identical, under the Policy that was first issued. The Company shall refund any duplicated Premium payment which may have been made by or on behalf of that person.

(f) **Sanctions:**

The Company shall not be deemed to provide cover and shall not be liable to pay any claim or provide any Benefit hereunder to the extent that the provision of such cover, payment of such claim or provision of such Benefit would expose the Company, the Company's parent company or the Company's parent company's ultimate controlling entity to any sanction, prohibition or restriction under United Nations resolutions or trade or economic sanctions, laws or regulations of the European Union or the United States of America.

7. What are the major exclusions under this Policy?

The Company shall not pay under any claim which arising from, resulting in or in connection with:

(a) for Benefit listed under item 2.(a) above:

- (i) Costs associated with any physical injury, sickness, disease, disability, shock, mental anguish and mental injury including required care, loss of services or death;
- (ii) Costs associated with requesting relevant reports before the discovery of your identity theft;
- (iii) Compensation for workdays that will be paid by your employer, in order to correct your financial records that have been altered due to your identity theft;
- (iv) Any cryptocurrency losses; and
- (v) Unauthorized charges that have been compensated by the involved financial institution.

(b) for Benefit listed under item 2.(b) to 2.(e) above:

- (i) Any Pre-Existing Conditions;
- (ii) Any Sickness;
- (iii) Suicide or intentional self-inflicted injuries;
- (iv) During air travel unless as a fare-paying passenger;
- (v) Violation of law and any payment that would violate any government prohibition or regulation;
- (vi) Alcohol or drug-related accidents;
- (vii) Mental or nervous disorders;
- (viii) Racing other than on foot;
- (ix) Acquired Immune Deficient Syndrome ("AIDS"), Human Immune Deficiency Virus ("HIV");
- (x) Nuclear, chemical or biological materials; and
- (xi) War.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Policy Wordings for the full list of exclusions under this Policy.

8. Can I cancel my Policy?

Provided there is no claim made on the Policy:

- a) For Policy Period of 3 months



You may request for cancellation, however, there will be no refund as this Policy is complimentary to you.

- b) For Policy Period of 12 months
 - (i) You may request for cancellation, however, there will be no refund during the initial 3 months as coverage during this period is complimentary to you.
 - (ii) For coverage on/after the 4th month following the Policy Start Date and before the Policy Expiry Date, the Master Policyholder / you can cancel this Policy by giving 30 days' prior written notice to the Company or via email at the address provided below.

Unless otherwise advised by the Company and the Master Policyholder agrees, upon cancellation, the Company will refund the pro-rated premium for the remaining Policy Period to the Master Policyholder who in turn will handle the refund with you as applicable.

The process of refund will be handled directly between the Company and the Master Policyholder, and will fully discharge the Company of any liability of this Policy.

9. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

It is important that you inform the Company of any change in your life profile which would affect the risk profile.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about this Policy please contact us at:

AIG Malaysia Insurance Berhad
P O Box 11768,
50756 Kuala Lumpur

Telephone : 1800 88 8811 / 603 2118 0188

E-mail : AIGMYCare@aig.com

11. Other types of Personal Accident cover available

Please refer to our website at: www.aig.my

You should read and understand the contract terms and discuss further with the Company if there are any terms that you do not understand before accepting the policy contract. If there are any questions regarding the terms and conditions of this Product Disclosure Sheet, you may contact the Company.

By accepting the policy contract, you acknowledge that the key contract terms have been adequately explained by the agent or Company to you and that the policy contract offered is suitable for your insurance needs.

The Company is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at August 2024.

Sila membaca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Courts Elite+. Sila pastikan anda membaca terma dan syarat am juga.

Apabila perkataan atau frasa muncul dalam huruf besar, definisi dengan tafsiran adalah dinyatakan dalam Ungkapan Polisi di bawah seksyen 'Definisi Polisi Am'.

Produk: Courts Elite+
Tarikh Dikeluarkan: Ogos 2024

1. Apakah produk ini?

- (a) Produk ini memberikan perlindungan sekiranya berlaku
 - (i) Kecurian Identiti; dan
 - (ii) Kecederaan akibat Kecurian Ragut atau Percubaan Kecurian Ragut yang secara langsung mengakibatkan Kematian Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal atau kemasukan ke Hospital.
- (b) Perlindungan diberikan di seluruh dunia dan sah selama 24 jam sepanjang Tempoh Polisi.
- (c) Tempoh perlindungan di bawah Polisi ini adalah selama 3 atau 12 bulan mengikut kes.
- (d) Perlindungan di bawah polisi ini diberikan kepada pelanggan individu Pemegang Polisi Induk.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Polisi ini memberikan manfaat-manfaat berikut:

- a) Kecurian Identiti - Perbelanjaan Undang-undang, Kehilangan Upah, Kewajipan untuk Membayar, Pelbagai Perbelanjaan, Pampasan Kewangan
- b) Kematian Kemalangan - disebabkan oleh Kecurian Ragut atau percubaan kecurian ragut
- c) Hilang Upaya Menyeluruh Kekal - disebabkan oleh Kecurian Ragut atau percubaan kecurian ragut
- d) Elaun Kesulitan - disebabkan oleh Kecurian Ragut atau percubaan kecurian ragut
- e) Pendapatan Hospital Harian - disebabkan oleh Kecurian Ragut atau percubaan kecurian ragut

Nota: Sila rujuk kepada ungkapan polisi untuk butiran Manfaat lanjut.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Anda tidak perlu membayar premium untuk 3 bulan yang awal kerana perlindungan dalam tempoh ini adalah percuma kepada anda.

Jika anda memilih untuk meneruskan perlindungan anda sehingga 12 bulan, anda perlu membayar premium sebanyak RM36.00 (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan) kepada Pemegang Polisi Induk untuk baki perlindungan selama 9 bulan. Sila simpan bukti pembayaran premium untuk sebarang rujukan masa hadapan.

Tempoh Polisi	Premium
3 bulan	Tiada
12 bulan	RM36.00 (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan)

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Anda tidak perlu membayar yuran atau caj jika anda memilih Tempoh Polisi selama 3 bulan.

Yuran dan caj untuk Tempoh Polisi selama 12 bulan adalah seperti berikut:

Jenis	Amaun
Komisen yang dibayar kepada perantara/ejen insurans (Termasuk dalam premium)	RM9 atau 25% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

5. Siapakah perantara/ejen?

Nama: Courts (Malaysia) Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 198601005660 (154820-D))
Alamat: 36, Jalan Genting Kelang, Setapak, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (a) **Kewajipan pendedahan:**
 - (i) Anda mesti mengambil penjagaan yang munasabah untuk memastikan bahawa semua jawapan anda kepada soalan-soalan adalah penuh, lengkap, betul, jujur dan benar mengikut pengetahuan anda.
 - (ii) Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada AIG Malaysia Insurance Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "**Syarikat**") tentang apa-apa perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada Syarikat sebelum kami mengeluarkan Sijil Insurans kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana terma Polisi anda. Jika tidak, Polisi anda mungkin dibatalkan, atau dianggap seolah-olah ia tidak pernah wujud, atau tuntutan anda akan ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.
- (b) **Kelayakan:**



Anda juga mesti memenuhi keperluan-keperluan berikut secara berterusan supaya layak mendapat perlindungan di bawah Polisi:

Umur:

Umur kemasukan untuk orang dewasa di bawah Polisi ini adalah 18 hingga 70 tahun (termasuk kedua-duanya).

Nota: Semua umur merujuk kepada umur anda pada hari jadi terakhir.

Permastautinan

Untuk layak mendapat perlindungan di bawah Polisi ini, anda mestilah seorang:

- (i) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia;
- (ii) Pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iii) Pemegang pas pekerjaan yang sah (tempat pekerjaan mestilah di Malaysia semasa Tempoh Polisi) atau pemegang pas tanggungan yang diberikan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkenaan.

(c) **Negara kediaman:**

Anda mesti memaklumkan kepada Syarikat jika anda akan meninggalkan Malaysia selama lebih daripada 180 hari berturut-turut. Kegagalan untuk berbuat demikian akan membatalkan perlindungan ini.

(d) **Tuntutan:**

- (i) Syarikat mesti dimaklumkan secepat mungkin secara praktikal dan munasabah dalam apa jua keadaan dalam masa 30 hari selepas tarikh Kemalangan yang mengakibatkan suatu tuntutan;
- (ii) Semua bukti yang munasabah dan perlu yang diperlukan oleh Syarikat mesti diberikan kepada Syarikat untuk menyokong tuntutan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh Kemalangan yang mengakibatkan tuntutan.
- (iii) Kegagalan untuk mematuhi (i) di atas mungkin mengakibatkan penolakan semua atau sebahagian daripada tuntutan oleh Syarikat. Sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jika ia dibuat begitu lama selepas peristiwa sehingga Syarikat tidak dapat menyiasat sepenuhnya, atau mungkin mengakibatkan anda tidak menerima amaun penuh yang dituntut jika amaun yang perlu dibayar berubah akibat kelewatan tersebut.

(e) **Duplikasi Perlindungan:**

Tiada orang boleh diinsuranskan di bawah lebih daripada satu Polisi yang dikeluarkan oleh Syarikat di bawah produk ini. Jika seseorang diinsuranskan di bawah lebih daripada satu Polisi sedemikian, Syarikat akan mempertimbangkan untuk menginsuranskan orang tersebut di bawah Polisi dengan pampasan tertinggi atau, jika pampasan di bawah setiap Polisi adalah sama, di bawah polisi yang mula-mula dikeluarkan. Syarikat akan membayar balik sebarang pembayaran Premium berganda yang mungkin telah dibuat oleh atau bagi pihak orang tersebut.

(f) **Sanksi:**

Syarikat tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Polisi ini setakat mana peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti kawalan muktamadnya kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sanksi perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Syarikat tidak akan membayar di bawah apa-apa tuntutan yang timbul daripada, diakibatkan atau berkaitan dengan:

(a) untuk Manfaat yang disenaraikan di bawah perkara 2. (a) di atas:

- (i) Kos yang berkaitan dengan apa-apa kecederaan fizikal, sakit, penyakit, hilang upaya, kejutan, penderitaan mental dan kecederaan mental termasuk penjagaan yang diperlukan, kehilangan perkhidmatan atau kematian;
- (ii) Kos yang berkaitan dengan permintaan laporan yang berkaitan sebelum penemuan kecurian identiti anda;
- (iii) Pampasan untuk hari bekerja yang akan dibayar oleh majikan anda, untuk membetulkan rekod kewangan anda yang telah diubah akibat kecurian identiti anda;
- (iv) Apa-apa kerugian mata wang kripto; dan
- (v) Caj tanpa kebenaran yang telah diberi pampasan oleh institusi kewangan yang terlibat.

(b) untuk Manfaat yang disenaraikan di bawah perkara 2. (b) hingga 2. (e) di atas:

- (i) Apa-apa Syarat Sedia Ada;
- (ii) Apa-apa Sakit;
- (iii) Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan;
- (iv) Semasa perjalanan udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang;
- (v) Pelanggaran undang-undang dan apa-apa pembayaran yang akan melanggar mana-mana larangan atau peraturan kerajaan;
- (vi) Kemalangan berkaitan dengan alkohol atau dadah;
- (vii) Gangguan mental atau saraf;
- (viii) Berlumba selain daripada berjalan kaki;
- (ix) Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), Virus Kurang Imun Manusia ("HIV");
- (x) Bahan nuklear, kimia atau biologi; dan
- (xi) Perang.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Ungkapan Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.



8. Bolehkah saya batalkan Polisi saya?

Dengan syarat tiada tuntutan dibuat terhadap Polisi:

- a) Selama Tempoh Polisi 3 bulan
Anda boleh meminta pembatalan, namun, tiada bayaran balik akan diberikan kerana Polisi ini adalah percuma untuk anda.
- b) Selama Tempoh Polisi 12 bulan
 - (i) Anda boleh meminta pembatalan, namun, tiada bayaran balik akan diberikan kerana Polisi ini adalah percuma untuk anda.
 - (ii) Untuk perlindungan pada/selepas bulan ke-4 selepas Tarikh Permulaan Polisi dan sebelum Tarikh Tamat Polisi, Pemegang Polisi Induk / anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu selama 30 hari kepada Syarikat atau melalui e-mel di alamat yang disediakan di bawah.

Melainkan dinasihatkan sebaliknya oleh Syarikat dan Pemegang Polisi Induk bersetuju, apabila pembatalan, Syarikat akan membayar balik premium pro-rata untuk baki Tempoh Polisi kepada Pemegang Polisi Induk yang seterusnya akan mengendalikan bayaran balik dengan anda dengan sewajarnya.

Proses bayaran balik akan dikendalikan secara langsung antara Syarikat dengan Pemegang Polisi Induk, dan akan melepaskan Syarikat sepenuhnya daripada apa-apa liabiliti Polisi ini.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat hubungan/peribadi saya?

Perkara penting ialah anda harus memaklumkan Syarikat tentang sebarang perubahan dalam profil kehidupan anda yang akan mempengaruhi profil risiko.

10. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Polisi ini, sila hubungi kami di:

AIG Malaysia Insurance Berhad
P O Box 11768,
50756 Kuala Lumpur

Telefon: 1800 88 8811 / 603 2118 0188

E-mel: AIGMYCare@aig.com

11. Jenis perlindungan Kemalangan Diri lain yang ditawarkan

Sila rujuk kepada laman web kami di: www.aig.my

Boleh dikatakan di mana terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna dalam peruntukan Bahasa Inggeris atau peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa versi kontrak Bahasa Inggeris akan mengatasi dan diikuti.

Anda harus membaca dan memahami terma kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan Syarikat jika terdapat sebarang terma yang anda tidak faham sebelum menerima kontrak polisi. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat Helaian Pendedahan Produk ini, anda boleh menghubungi Syarikat.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui bahawa terma kontrak utama telah dijelaskan dengan secukupnya oleh ejen atau Syarikat kepada anda dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Syarikat dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada Ogos 2024.